



PESERTA... Sebahagian pensyarah dan peserta yang mengambil bahagian dalam bengkel itu.

## FPEP UMS azam tingkat kualiti graduan menerusi iCGPA

NST 29.10.16 2

KOTA KINABALU: Sejalan dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti Awam ini, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan UMS mengadakan Bengkel Icgpa di bilik persidangan MBA, FPEP baru-baru ini.

Bengkel ini dikendalikan oleh Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Mohd Ruslim Mohamed,

Dekan Fakulti, Prof Madya Dr Raman Noordin, menjelaskan bahawa bengkel yang dilaksanakan itu adalah sebagai persiapan Fakulti untuk melaksanakan iCGPA menerusi program terpilih pada penawaran kursus akan datang.

Menurut Dr Raman lagi, program perakaunan telah dicadangkan untuk merintis modul ini khusus dalam kalangan penuntut tahun akhirnya. Selain bengkel yang diadakan pihak fakulti juga akan melaksanakan beberapa inisiatif susulan di bawah Seksyen Akademiknya yang diketuai oleh Dr Zaiton Osman, Timbalan Dekan Akademik FPEP, bagi meningkatkan lagi pemahaman dan kesediaan para pensyarah.

Dalam bengkel yang diadakan itu, Dr Mohd Ruslim turut menekankan pentingnya memiliki sistem sokongan dari pentadbir sistem dan akademik universiti. Ini adalah bagi memastikan kelancaran sistem iCGPA.

"Dengan sokongan jabatan-jabatan berkaitan, pensyarah tidak akan terbeban dengan tugas pentadbiran. Malah tambah Dr Mohd Ruslim lagi, sistem baharu ini seharusnya mampu meringankan lagi pemantauan kehadiran pelajar dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata bengkel ini akan dapat meningkatkan fokus pensyarah kepada tugas mengajar dan membuat penyelidikan.

Justeru, pihak FPEP akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS dan Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS bagi memastikan kesediaan sistem sedia ada dalam kelancaran pelaksanaan iCGPA kelak.